

Sultan Kelantan mahu perancangan diatur elak sebarang perkara luar jangkaan

Siap sedia hadapi musibah banjir

Oleh FIRDAUS HASSAN

KOTA BHARU – Sultan Kelantan, Sultan Muhammad V mahu semua pihak berada dalam keadaan bersiap sedia dan melakukan persiapan rapi bagi menghadapi sebarang musibah banjir besar seperti tahun lalu.

Baginda bertitah, perancangan perlu diatur agar tidak berlaku perkara di luar jangkaan, kejutan dan kecemasan akibat bencana alam tersebut.

“Selain itu, beta berharap semua pihak berada dalam siap sedia, menghadapi sebarang kemungkinan banjir lagi. Pelan A, Pelan B dan seterusnya perlu diatur agar tidak berlaku perkara-perkara luar jangkaan, keju-



KERATAN *Kosmo!* 25 Disember 2014.

tan dan kecemasan,” titahnya.

Baginda bertitah demikian pada Istiadat Pengurniaan Kehormatan Kebesaran Negeri Kelantan 2015 sempena Sambutan Ulang Tahun Keputeraan Sultan Muhammad V Ke-46 di Istana Balai Besar di sini semalam.

Turut berangkat pada upacara istiadat itu ialah Tengku Mahkota Kelantan, Tengku Muhammad Faiz Petra.

Hadir sama Menteri Besar, Datuk Ahmad Yakob; Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed; Mufti Kelantan, Datuk Mohamad Shukri Mohamad, barisan pemimpin kerajaan negeri, para pembesar istana dan kaum kerabat baginda.

Pada istiadat tersebut, baginda berkenaan menganugerahkan darjah kebesaran negeri, bintang dan pingat kepada 575 penerima.

Sultan Muhammad V bertitah, projek hidro Nenggiri dan beberapa lagi projek sama di kawasan lain yang bakal dilaksanakan amat diperlukan bagi menyelamatkan negeri ini daripada banjir seperti tahun lalu.



SULTAN MUHAMMAD V memeriksa perbarisan kehormatan sempena Sambutan Ulang Tahun Keputeraan Sultan Muhammad V Ke-46 di Istana Balai Besar, Kota Bharu semalam.